



# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) ASRAMA PEKERJA TOP GLOVE, KLANG SELANGOR

Dikemaskini 1 Disember 2020

## Aktiviti yang dibenarkan

- Mendapatkan Bekalan Makanan
- Mendapatkan rawatan kesihatan

## Aktiviti yang tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Orang luar tidak dibenarkan memasuki kawasan tempatan jangkitan PKPD tanpa kebenaran PDRM

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- SOP-SOP lain yang berkaitan adalah tidak terpakai kepada kawasan tempatan jangkitan.

Waktu Berkuat Kuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
---------------------	--------	---------------------------	--	---------------------	-----------------------------

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang Terlibat	Asrama Pekerja Top Glove Klang, Selangor
Tempoh Berkuat Kuasa	1 Disember 2020 (12.00 am) sehingga 14 Disember 2020 (11.59 pm)
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"><li>PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM, RELA &amp; PBT.</li><li>Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup.</li><li>Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian adalah dibenarkan tetapi perlu kemukakan permohonan pergerakan kepada pihak PDRM. Wakil keluarga boleh menghubungi CMC PKPD Asrama Pekerja Top Glove.</li><li>Perkhidmatan penghantaran makanan / barang adalah dibenarkan sepanjang tempoh PKPD berdasarkan jadual yang ditetapkan oleh CMC PKPD Asrama Pekerja Top Glove.</li><li>Pemberian bantuan bekalan makanan akan diselaraskan secara bersama oleh CMC PKPD Asrama Pekerja Top Glove dan Syarikat Top Glove.</li><li>Semua pekerja tidak dibenarkan keluar daripada kawasan asrama.</li><li>Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan.</li></ul>